

11 DEC 1996

Sanusi-Profesor

SANUSI DILANTIK PROFESOR OLEH UNIVERISTI NANKING

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dilantik sebagai profesor oleh Universiti Nanking dekat Shanghai, China hari ini kerana sumbangannya dalam bidang pertanian.

Sanusi yang menjadi Menteri Pertanian selama sembilan tahun hingga tahun lepas, dalam ucapan menerima pelantikan itu pada majlis di universiti berkenaan, berkata perubahan besar China daripada sebuah negara miskin menjadi kuasa ekonomi dunia, merupakan sesuatu yang tidak pernah disaksikan manusia sebelum ini. Teks ucapannya dikeluarkan di sini hari ini.

Katanya China dan Malaysia sedang melalui perubahan besar hasil daripada sistem perusahaan bebas.

" Kami di Malaysia percaya bahawa apapun kelemahan yang wujud dalam sistem perusahaan bebas, ia masih yang terbaik setakat ini," kata Sanusi yang semasa menjadi Menteri Pertanian memperkenalkan beberapa pembaharuan dalam menggerakkan ekonomi luar bandar.

Dengan memberi contoh ramalan Bank Dunia, Sanusi berkata jika semuanya berjalan lancar menjelang tahun 2020, China akan mengatasi Amerika Syarikat sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia.

Keperluan China dalam bidang tenaga untuk menjana pertumbuhan ekonominya juga dijangka luar biasa -- ia memerlukan satu stesen tenaga elektrik baru setiap minggu untuk selama 15 tahun.

Menjelang tahun 2010 China juga dijangka mengimport tiga juta tong minyak sehari melebihi keluaran seluruh Laut Utara.

Sanusi, yang menumpukan ucapannya mengenai perkara pertukaran kepimpinan, berkata bagi sesuatu perubahan itu berlaku dalam arah yang betul, pertumbuhan, persatuan dan negara memerlukan kepimpinan.

"Dalam era maklumat, dengan Internet dan apa jua yang datang, idea dan pengetahuan mudah didapati, tanggungjawab seseorang pemimpin ialah bukan hanya memilih antara idea yang wujud dan sedia ada tetapi juga harus boleh berkomunikasi idea-idea berkenaan dengan meyakinkan," katanya.

Dalam hubungan ini Sanusi memberitahu hadirin China pada majlis itu bagaimana kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membantu menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Sanusi berkata kehadiran Dr Mahathir merupakan suatu yang bersejarah bagi Malaysia dan ia merupakan satu keperluan bersejarah.

"Dr Mahathir merupakan prasyarat bagi pertumbuhan masa kini Malaysia. Dr Mahathir bangga menjadi rakyat Asia yang percaya dengan apa yang diperkatakan dan memperkatakan apa yang beliau percaya. Beliau seorang yang berani.

"Untuk China, saya hanya perlu mengatakan satu perkataan untuk menggambarkan Dr Mahathir -- boleh dipercayai," katanya.

Menurut Sanusi, kepimpinan bukan hanya mengenai stail, tetapi idea dan nilai.

"Seorang pemimpin yang bergaya, tanpa idea dan dengan nilai bercanggah, hanya merupakan seorang pelakon di pentas sejarah. Menghiburkan, tetapi tanpa isi. Popular, tetapi tanpa arah," katanya.

Sanusi juga berkata adalah perlu bagi menggalakkan hubungan antara rakyat dengan rakyat di Asia Timur bagi memupuk sebuah Asia yang bersatu sebagai sebahagian daripada sebuah dunia yang bersatu pada masa depan.

Dalam dunia yang saling bergantung, adalah juga perlu bagi lebih banyak pelajar mempelajari lebih daripada satu bahasa bagi memudahkan komunikasi.

Jepun sendiri, katanya mengambil langkah berani menubuhkan Universiti

Asia Pasifik dengan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar walaupun negara itu tidak perlu mempunyai universiti seumpama itu.

Katanya selain Mandarin, bahasa paling banyak digunakan di dunia, dan Bahasa Inggeris bahasa bagi perhubungan antarabangsa, Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua paling banyak digunakan di Asia Tenggara, majoritinya di kalangan rakyat Indonesia.

Merujuk kepada pelantikannya sebagai profesor, Sanusi berkata ia merupakan satu penghormatan bagi dirinya dan keluarga yang tidak akan dilupakan. -- BERNAMA

AU RON